

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan:-

- (a) Langkah-langkah yang telah diambil dan kejayaan dalam mewujudkan aktiviti-aktiviti sampingan kepada warga FELCRA bagi tujuan menambah pendapatan mereka; dan
- (b) Berapakah bilangan rumah generasi kedua FELCRA yang baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengurusan FELCRA Berhad sejak dikorporatkan pada 1 September 1997 sehingga kini telah memperuntukkan hampir RM95 juta untuk mewujudkan pelbagai program dan aktiviti sampingan bagi memantapkan kualiti hidup komuniti peserta FELCRA Berhad di seluruh negara.

NO. SOALAN : 16

2. Pelaksanaan program aktiviti sampingan untuk meningkatkan pendapatan warga peserta adalah menerusi program sosioekonomi secara individu atau berkelompok serta melibatkan institusi seperti Koperasi Peserta Rancangan (KPR), Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) dan Belia (Pertubuhan Belia).

3. Menerusi platform ini, pelbagai bidang perniagaan telah diusahakan dalam sektor pelancongan, peruncitan, mekanisasi ladang, pembuatan, pengangkutan dan pembinaan di samping penglibatan dalam pengeluaran produk hiliran berasaskan pertanian, akuakultur dan ternakan. Keuntungan yang diperoleh daripada institusi berkenaan dapat disalurkan semula kepada peserta untuk memantapkan sosioekonomi keluarga dan juga membiayai program-program kesejahteraan dan kebajikan komuniti peserta setempat. Antara contoh kejayaan KPR dalam bidang perniagaan adalah dalam perniagaan stesyen minyak (7 buah) dan perniagaan kedai runcit (11 buah). WADIRA terlibat dalam perniagaan seperti salon dan spa muslimah, perusahaan kek dan pastri, ternakan madu kelulut, jahitan dan sulaman dan pengurusan inap desa (*homestay*) yang berjaya menjana pendapatan antara RM1000 hingga RM4500 sebulan.

4. Bagi projek perumahan pula, sepanjang tahun 2018 dan 2019, Pengurusan FELCRA Berhad komited untuk menyiapkan sebanyak 973 unit rumah di bawah Projek Perumahan Generasi Kedua seperti berikut:

- a. 140 unit rumah di FELCRA Sri Makmur, Daerah Pekan, Pahang (100% siap);
- b. 123 unit rumah di FELCRA Sukau, Daerah Kinabatangan, Sabah (60% siap); dan
- c. 710 unit rumah di FELCRA Seberang Perak, Daerah Kampung Gajah, Perak (90% siap) .

Sekian, terima kasih.